

13/11/2003

Keringat 27 tahun Dina dikenang

V Ashok

JOLOKAN 'Mr Milo' yang diberi kepadanya menepati segala ruang bicara andai soal penajaan dan pemasaran sukan dijadikan bahan hujahan.

Keringat serta minat mahu melihat ahli sukan kita berjaya, khasnya kelompok kanak-kanak sekolah dan remaja membawanya ke setiap sudut kejohanan baik yang kecil mahu pun besar di tanah air.

Memang beliau mempunyai tugas memenuhi tuntutan majikan - menjual jenama barangan Nestle Products Sdn Bhd. Di sebaliknya melaksanakan kerja dengan baik beliau menghabiskan masa kepada usaha membantu pembangunan sukan di peringkat akar umbi.

Datuk Dina Rizal Abdullah yang bersara pada 31 Oktober lalu - sama tarikh dengan persaraan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad - selepas menabur keringat dan jasa selama 27 tahun adalah pegawai yang tidak mengenal penat lelah sehingga sanggup mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang suami dan ayah kepada tiga orang anak buat sekian lama.

"Detik gembira bagi saya adalah melihat kanak-kanak pelbagai kaum bertanding penuh kesungguhan dengan semangat kesukanan sambil mendapat sokongan moral ibu bapa," kata Dina, pegawai yang sudah sinonim kepada sukan di kalangan pemimpin sukan, pegawai dan atlit serta media massa.

Baginya Milo adalah lebih penting sehingga kerap berkata: "Siapalah saya tanpa Milo?"

"Ada kalanya saya terasa serba salah setiap pihak sukan membabitkan saya sebagai Milo dan Milo adalah saya. Saya berterima kasih kepada majikan yang memberi jawatan ini. Ia banyak memberi pendedahan serta pengalaman berguna kepada saya.

"Setiap hari saya mempelajari sesuatu yang baru, melihat acara baru, rakan baru dan cabaran baru," katanya.

Kini, lelaki peramah berusia 53 tahun bersara lebih awal semata-mata kerana mahu bersama-sama isteri dan tiga anaknya.

"Setiap Jumaat kami sekeluarga bermain badminton di Taman Tasik. Saya sudah lama mengabaikan tanggungjawab sebagai ayah dan suami. Kini, saya mahu menghabiskan lebih banyak masa bersama mereka," katanya.

Sepanjang tugasannya beliau bergandingan baik dengan pihak berkuasa sukan khasnya Majlis Sukan Negara, Majlis Olimpik Malaysia, Majlis Sukan-Sukan Malaysia dan SportExcel.

"Badan ini membantu saya mengembangkan minda dan memberi ilham kepada saya membantu kemajuan pembangunan sukan. Kita perlu gembira mengasuh kanak-kanak mengecapi kejayaan sukan di tahap tertinggi. Tiada apa yang